

TARIKH	12 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	7	RUANGAN	01m Negeri

2,700 jemaah haji Pantai Timur berlepas 28 September

KUALA TERENGGANU
11 Sept. — Seramai 2,700 jemaah haji Pantai Timur dijadual berlepas melalui Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), di sini mulai 28 September ini.



Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Terengganu, Mohammad Mokhzani Mokhtar (**gambar**) berkata, dari jumlah itu, seramai 1,700 adalah jemaah dari Terengganu manakala selebihnya sebahagian jemaah dari Kelantan dan Pahang.

“Pada musim haji tahun ini, LTSM di sini mengadakan enam penerbangan pergi dan enam penerbangan balik yang bermula pada 28, 29 dan 30 September terus ke Madinah manakala tiga penerbangan lagi iaitu pada 9, 10 dan 11 Oktober terus ke Jeddah.

Katanya, enam penerbangan pulang bermula pada 12 November dan penerbangan terakhir pada 25 November depan.

Mohammad Mokhzani mengingatkan jemaah supaya menjaga kesihatan untuk mampu melakukan ibadat dengan baik di Tanah Suci.

“Paling utama, jemaah haji perlu jaga imej baik sebagai jemaah haji Malaysia,” katanya.

— BERNAMA